

# ESS-15 pacu Bandaraya Melaka ke arah zon udara bersih

**Farah Suhaidah Othman**

**AYER KEROH** - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) membangunkan Environment Sensor

Station-15 (ESS-15) yang menjadi pemangkin kepada standard kualiti udara baik sekali gus menuju ke arah bandar zon udara bersih.

Datuk Bandar MBMB

Datuk Shadan Othman berkata, inisiatif hasil inovasi pelbagai pihak termasuk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Malaya (UM) dan

beberapa syarikat swasta adalah pelengkap kepada indikator bandar pintar pada peringkat Developing Smart City.

Katanya, kesemua 15

ciri yang ada pada ESS-15 itu membolehkan pengguna mengakses pelbagai data termasuk bagi tujuan analisis kualiti udara seperti suhu, kandungan karbon

monoksida, kelembapan udara, tekanan udara dan taburan air hujan.

“ESS-15 ini dipasang di 14 lokasi Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah pentadbiran MBMB dalam usaha kita untuk memastikan alam sekitar berada dalam keadaan bersih dan selamat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian ESS-15 dan Melaka Touch Point di Dataran Bandaraya MBMB, di sini, baru-baru ini.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari.

Shadan berkata, terdapat beberapa piawaian kualiti udara yang perlu diambil kira oleh pihak European Union (EU), US Environmental Protection Agency (EPA), World Health Organisation (WHO) dan ISO 14001 yang meliputi kualiti udara, air, pengurusan sisa dan sebagainya.



**ZAIDI** (lima dari kiri) bersama Shadan menyempurnakan Majlis Perasmian Environment Sensor Station (ESS-15) dan Melaka Touch Point di Dataran Bandaraya MBMB.